



TARIKH : 25 OKTOBER 2021

**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** bertaraf **BUMIPUTERA SAHAJA** yang masih sah laku untuk membuat tawaran pada masa ini dalam bidang bekalan/perkhidmatan seperti berikut :-

NO. TAWARAN	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP
MPLBP/SBT/33/2021	SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR CENDERAHATI CUKAI TAKSIRAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN TAHUN 2022 (TAWARAN SEMULA PERTAMA)	PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN DI BAWAH BIDANG BEKALAN 030201 (CENDERAMATA & HADIAH)	01 NOV. 2021 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAHARI HARGA DOKUMEN : RM 20.00

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli di **Kaunter Hasil** mulai **25 OKT. 2021 hingga 01 NOV. 2021** pada ketetapan masa **08.00 Pagi – 04.00 Petang (Ahad – Rabu)** dan **08.00 Pagi – 03.00 Petang (Khamis Sahaja)**. Bawa bersama salinan sijil SSM semasa membeli dokumen.
3. Penyebutharga juga boleh membuat bayaran melalui bayaran/pindahan wang atas talian dan mengisi borang permohonan dokumen sebut harga seperti di **Lampiran 1**. Borang permohonan dokumen sebut harga yang lengkap diisi beserta bukti pembayaran (slip/resit) hendaklah dikemukakan kepada **Urusetia Sebut Harga melalui aplikasi WhatApps di talian 011-58923362** dan dokumen sebut harga akan segera dihantar secara 'softcopy' dan penyebutharga boleh memuat turun dan mencetak sendiri dokumen sebut harga tersebut. Bayaran/pindahan wang atas talian melalui akaun berikut :-
- i. Penama Akaun : Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
No. Akaun : 02066011060236
Bank : Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
4. Penyebutharga boleh melihat terlebih dahulu dokumen sebut harga ini di laman sesawang rasmi **<http://www.mplbp.gov.my>**.

5. Tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis No. Sebut Harga pada bahagian atas kiri sampul surat yang di alamatkan kepada **TUAN YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN, 07000 KUAH, LANGKAWI, KEDAH D.A.** serta di hantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan tidak lewat daripada jam **12.00 TENGAHARI** pada **01 NOVEMBER 2021**.
6. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang ditolak atas apa jua sebab serta tidak bertanggungjawab atas segala kos perbelanjaan berkaitan atas sebut harga ini.
7. Dokumen tawaran yang lewat diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab kegagalan penyebutharga mematuhi syarat tidak akan dilayan dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
8. Jika dokumen tawaran sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut sampai kepada dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
9. Penyebutharga hendaklah dalam apa jua keadaan sekalipun wajib mematuhi **SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN)** yang berkuatkuasa ketika ini.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RADZUAN BIN OSMAN.,AMK.,BCK.)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Tarikh : 25 OKTOBER 2021



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN DOKUMEN SEBUTHARGA SECARA PINDAHAN/BAYARAN ATAS TALIAN

Tajuk	Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Cenderahati Cukai Taksiran Untuk Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Tahun 2022 (Tawaran Semula Pertama) MPLBP/SBT/33/2021
Nama Syarikat	
No. SSM Syarikat	
Alamat Syarikat	
Nama Pemilik Syarikat (Seperti Dalam Sijil Pendaftaran Syarikat)	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon (HP)	
Emel	
No. Resit/Slip Pembayaran (Reference ID)	
Jumlah Bayaran	RM
Bayaran Melalui Bank	

PENTING :

1. Borang Ini Hanya Untuk Diisi Bagi Pembayaran Pembelian Borang Sebutharga Secara Atas Talian Sahaja.
2. Bersama Borang Ini **WAJIB** Diisi Dan Sertakan Salinan Bukti Pembayaran (Slip/Resit) Pembayaran Yang Telah Dibuat.
3. Borang Yang Lengkap Diisi Hendaklah Segera Dikemukakan Kepada Urusetia Melalui Aplikasi Whatapps Di Talian **011-58923362**.
4. Talian Ini Hanya Aktif Dalam Tempoh Masa Dan Hari Bekerja Dan Selama Tempoh Sehingga Sebut Harga Ini Ditutup. Talian Ini Tidak Lagi Aktif Setelah Tempoh Tersebut Berakhir.

Tandatangan & Cop Syarikat :
Nama :
Tarikh :